# PERSPEKTIF MELAYU, BARAT DAN ISLAM MENGENAI NASIONALISME : SATU KAJIAN PERBANDINGAN

NORSAZALI BIN ABDULLAH

(AGC 99039)

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN PERADABAN)

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2005

Perpustakaan Universiti Malaya

A511932162

**KANDUNGAN**

Muka Surat


| | | | |
|---|---|---|---|
| **JUDUL KAJIAN** | | | |
| **ABSTRAK** | | | i |
| **PENGHARGAAN** | | | v |
| **KANDUNGAN** | | | |
| **KAEDAH TRANSLITERASI** | | | vii |
| **SENARAI KEPENDEKAN** | | | viii |
| **BAB 1 :** | **PENDAHULUAN** | | |
| 1.1 | Pengenalan. | | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian. | | 1 |
| 1.3 | Pengertian Tajuk. | | 3 |
| 1.4 | Objektif Kajian. | | 3 |
| 1.5 | Methodologi Kajian. | | 4 |
| 1.6 | Masalah Kajian. | | 5 |
| 1.7 | Kesimpulan Bab. | | 6 |
| **BAB 2 :** | **NASIONALISME MENURUT PERSPEKTIF BARAT.** | | |
| 2.1 | : | Definisi Dan Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Barat. | 8 |
| 2.2 | : | Sejarah Nasionalisme Barat. | 18 |
| 2.3 | : | Pandangan Pemikir Barat Terhadap Nasionalisme. | 20 |
| 2.4 | : | Ciri-Ciri Nasionalisme Barat. | 24 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.5 | : | Penerimaan Dan Pengamalan Nasionalisme Barat. | 28 |
| 2.6 | : | Kesimpulan Bab. | 31 |
| | | Nota Hujungan Bab 2. | |

**BAB 3 : NASIONALISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.1 | : | Definisi Dan Konsep Nasionalisme Menurut Islam. | 36 |
| 3.2 | : | Asabiyah Menurut Islam. | 42 |
| 3.3 | : | Hubbul Watan Minal Iman Menurut Islam. | 57 |
| 3.4 | : | Hubungan Nasionalisme, Asabiyah dan Hubbul Watan Minal Iman. | 62 |
| 3.5 | : | Pandangan Pemikir Islam Terhadap Nasionalisme. | 66 |
| 3.6 | : | Kesimpulan Bab. | 75 |
| | | Nota Hujungan Bab 3. | 77 |

**BAB 4 : NASIONALISME MENURUT PERSPEKTIF MELAYU.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4.1 | : | Definisi Dan Konsep Nasionalisme Melayu. | 81 |
| 4.2 | : | Sejarah Nasionalisme Melayu. | 84 |
| 4.3 | : | Pandangan Pemikir Melayu Terhadap Nasionalisme Melayu. | 98 |
| 4.4 | : | Ciri-ciri Nasionalisme Melayu. | 102 |
| 4.5 | : | Penerimaan Dan Pengamalan Nasionalisme Melayu. | 105 |
| 4.6 | : | Kesimpulan Bab. | 120 |
| | | Nota Hujungan Bab 4. | 123 |

**BAB 5 :** **KONSEP, CIRI-CIRI, PENERIMAAN DAN PENGAMALAN NASIONALISME : PERBANDINGAN BARAT, ISLAM DAN MELAYU.**

5.1 : Konsep Nasionalisme : Perbandingan Antara Pandangan Barat, Islam dan Melayu. 127

5.2 : Ciri-Ciri Nasionalisme: Perbandingan Antara Pandangan Barat, Islam dan Melayu. 135

5.3 : Penerimaan dan Pengamalan Nasionalisme : Perbandingan Antara Masyarakat Barat dan Melayu. 143

5.4 : Kesimpulan Bab. 162

Nota Hujungan Bab 5. 164

**BAB 6 :** **RUMUSAN DAN SARANAN**

6.1 Rumusan Perbandingan. 166

6.2 Pandangan Dan Cadangan. 175

6.3 Penutup. 181

Nota Hujungan Bab 6. 185

Bibliografi. 187

Lampiran.

## ABSTRACT

This research is done as part of the requirement for getting a Master in Art and Social Science (Pengajian Peradaban), University of Malaya, Kuala Lumpur. The dissertation relates to nationalism from the Western, Islamic and Malay perspectives, in which the author attempts to distinguish and compare each perspective. The comparison is done in order to see to what extent Malaysian society has come under the sphere of influence of Western or Islamic hegemonies. As we have seen, there are already too many definitions on nationalism and each has its own approach, principle and ideologies. Thus, in writing this dissertation, the author has divided the study into six chapters, in which, the first chapter deals with the historical background, definitions, objectives, research methodologies and its problem. In the second chapter, the author discusses the definition of nationalism from Western History, with emphasis on prominent western philosophers such as Hans Kohn, A.D Smith and Walter Theimer on nationalism and the reception and practice of the western hegemony. In the third chapter, the author will then explain the meaning of nationalism from the Islamic viewpoint, and its relationship with Asabiyah and Hubbul Watan Minal Iman. References from Al-Quran, Hadith and also Islamic philosophers such as Ibnu Khaldun, Abul A'la al-Maududi, and Muhammad Iqbal will also be given. Here, the author will find the compatibility or maybe, differences within the group as discussed earlier; nationalism, Asabiyah and Hubul Watan Minal Iman. The fourth chapter is reserved for the Malay concept of nationalism. As it endeavors to reflect national history, some of its impression from eminent Malays on the topic will also be

presented. The chapter elaborates on the practice of nationalism and its implication on Malay society. The author will then try to compare, from the examples given earlier, the main concept , structure and reception of nationalism as practiced by Western, Islamic, and Malayan society. Finally, in the last chapter of a conclusion was given based on the comparison done on nationalism from the various perspectives outlined earlier.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Ianya adalah satu kajian ilmiah yang berkaitan dengan nasionalisme dari Perspektif Barat, Islam dan Melayu yang mana penulis akan membuat perbandingan antara ketiga-tiga perspektif tersebut dalam beberapa perkara. Perbandingan ini juga dilakukan untuk melihat sejauh mana kedudukan kita sebagai orang Melayu sama ada kita lebih terpengaruh dengan Peradaban Barat atau Peradaban Islam dalam memahami dan mengamalkan konsep nasionalisme atau kenegaraan ini. Terdapat pelbagai tafsiran dan pandangan terhadap nasionalisme, ianya bergantung kepada fahaman, tanggapan, pegangan dan pendekatan yang cuba dikaitkan dengan nasionalisme itu sendiri. Penulis telah membahagikan kajian terhadap nasionalisme ini kepada enam bab, yang mana di dalam bab yang pertama, penulis telah membincangkan tentang latar belakang kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, metodologi kajian dan masalah kajian. Manakala di dalam bab yang kedua pula, penulis telah membincangkan tentang definisi atau pengertian nasionalisme menurut Barat dengan menekankan beberapa pandangan pemikir Barat seperti Hans Kohn, A.D Smith and Walter Theimer terhadap nasionalisme. Dalam bab ini juga penulis menerangkan tentang penerimaan serta pengamalan nasionalisme negara Barat. Di Dalam bab ketiga, penulis cuba mengupas pengertian atau definisi nasionalisme dari pandangan Islam serta hubungannya dengan Asabiyah dan juga Hubbul Watan Minal Iman. Di samping itu, penulis juga akan mengkaji nasionalisme yang cuba dihubungkaitkan dengan asabiyah

dan Hubbul Watan Minal Iman menurut pandangan Islam yang berdasarkan Al-Quran serta Sunnah Rasulullah SAW serta pandangan pemikir-pemikir Islam seperti Ibnu Khaldun , Abul A'la al-Maududi, Muhammad Iqbal dan sebagainya. Di sini, penulis akan mencari keserasian atau mungkin wujudnya pertentangan antara nasionalisme, Asabiyah dan Hubbul Watan Minal Iman. Melalui bab keempat pula, penulis telah cuba menghuraikan pentakrifan dan konsep nasionalisme dari pandangan Melayu. Di samping mengimbas kembali sejarah, ciri-ciri dan beberapa pandangan tokoh Melayu terhadap nasionalisme itu sendiri. Di dalam bab ini juga diperjelaskan tentang penerimaan dan pengamalan nasionalisme Melayu. Seterusnya, di dalam bab kelima, penulis akan cuba membuat perbandingan di antara konsep, ciri-ciri, penerimaan dan pengamalan terhadap nasionalisme mengikut pandangan Barat, Islam dan Melayu. Bab keenam atau bab yang terakhir bagi penulisan ini, penulis akan membuat ulasan dan rumusan terhadap kajian perbandingan berhubung nasionalisme berdasarkan beberapa elemen dan pendekatan yang telah dibincangkan pada bab-bab sebelumnya.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Pencipta dan Pemelihara Alam yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa yang telah memberikan ilham dan kekuatan rohani serta jasmani kepada diri penulis di dalam menyempurnakan disertasi atau kajian ilmiah ini bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Selawat dan salam buat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad SAW., ahli keluarganya, para sahabat dan seluruh Mukminin yang mendukung perjuangan baginda dengan jiwa dan segalanya demi memartabatkan kedaulatan Islam di muka bumi ini. Semoga cita-cita dan matlamat untuk mendaulatkan Islam tercapai demi mendapatkan keredaan Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan penulis rakamkan buat Pengarah dan semua pensyarah Pusat Dialog Peradaban serta kakitangan pentadbirannya yang telah banyak membantu dan memberi sumbangan yang cukup besar nilai dan ertinya dalam usaha penulis menyempurnakan disertasi ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat Yang berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd Hazim Shah bin Abdul Murad selaku penyelia disertasi ini yang telah banyak memberikan sumbangan buah fikiran, tunjuk ajar, nasihat serta motivasi kepada penulis bagi menyempurnakan disertasi ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, pensyarah Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan beberapa pandangan dan input terhadap tajuk disertasi ini. Tidak dilupakan juga buat rakan seperjuangan iaitu saudara Shauki dan Ustaz Shahrom atas dorongan, semangat dan bantuan yang diberikan kepada penulis bagi menyempurnakan disertasi ini.

Sekalung doa buat ibu, ayah dan keluarga tercinta khususnya buat ayah mertua yang telah kembali ke rahmatullah, semoga Allah SWT. mencucuri rohnya bersama-sama roh orang-orang yang beriman. Buat isteri tercinta Norliza binti Musa dan juga sepasang cahaya mata Muhammad Nubhan dan Nurin Naqiyah, pengorbanan kalian terlalu tinggi nilainya dan semoga Allah SWT jua yang akan membalasnya.

Akhirnya, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha penulis menyempurnakan pengajian ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha dan pengorbanan kalian sebagai amal soleh.

Ikhlas dari penulis,

Norsazali bin Abdullah,
No 1, Jalan Mawarsari 5,
Bandar Sungai Buaya,
48010 Rawang, Selangor Darul Ehsan.

Fakulti Sastera & Sains Sosial,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

# KAEDAH TRANSLITERASI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| a | = | ا | d | = | ض |
| b | = | ب | t | = | ط |
| t | = | ت | z | = | ظ |
| th | = | ث | ‘ | = | ع |
| j | = | ج | gh | = | غ |
| h | = | ح | f | = | ف |
| kh | = | خ | q | = | ق |
| d | = | د | k | = | ك |
| dh | = | ذ | l | = | ل |
| r | = | ر | m | = | م |
| z | = | ز | n | = | ن |
| s | = | س | w | = | و |
| sy | = | ش | h | = | ه |
| s | = | ص | y | = | ي |

## SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| a.s | : | Alaihissalam. |
| b. | : | Bin. |
| Cet. | : | Cetakan. |
| Dr. | : | Doktor. |
| Hal | : | Halaman. |
| Hj | : | Haji. |
| Ibid | : | Rujukan sama seperti sebelum atau pada tempat yang sama. |
| Op.cit | : | Rujukan berselang. |
| Prof | : | Profesor. |
| SAW | : | Sallallahu Alaihi Wasallam. |
| SWT | : | Subhanahu Wataala. |
| t.t | : | Tanpa tahun. |
| terj | : | Terjemahan |